Orkim perkukuh armada, sasar kapasiti 273,000 DWT menjelang 2027

Oleh Mohd Zaky Zainuddin - November 3, 2026 @ 1:20pm



Kapasiti keseluruhan armada Orkim dijangka meningkat kepada kira-kira 273,000 DWT menjelang akhir 2027, selepas mengambil kira pelupusan kapal yang dirancang

KUALA LUMPUR: Orkim Bhd giat mempercepatkan usaha meremajakan armada kapalnya menerusi penambahan kapal baharu dan penggantian kapal berusia, bagi memastikan kecekapan operasi, kualiti perkhidmatan serta keupayaan menjana pendapatan kumpulan terus terpelihara.

Langkah pembaharuan armada itu semakin penting berikutan sebahagian besar kapal milik syarikat pengangkutan marin berkenaan menghampiri usia 20 tahun, sekali gus memerlukan perancangan penggantian bagi mengekalkan daya saing dalam industri pengangkutan produk petroleum.

Menurut laporan penyelidikan Apex Securities, penambahan kapal baharu Orkim Garnet dan Orkim Opal sudah membantu mengurangkan kebimbangan berkaitan usia armada, khususnya risiko yang boleh menjejaskan pembaharuan dan pelanjutan kontrak pengangkutan sedia ada.

Orkim Garnet dengan kapasiti 13,850 tan berat muatan penuh (DWT) diserahkan kepada kumpulan itu pada 11 Mei 2026, manakala Orkim Opal berkapasiti 13,998 DWT mula beroperasi secara komersial pada Oktober lalu.

Kehadiran kedua-dua kapal itu menjadi sebahagian daripada strategi pembaharuan aset kumpulan, yang turut merangkumi ketibaan dua kapal baharu, Orkim Jade dan Orkim Ruby, yang dijadualkan pada tahun depan.

Penganalisis Apex Securities, Ong Yong Jen menganggarkan kapasiti keseluruhan armada Orkim akan meningkat kepada kira-kira 273,000 DWT menjelang akhir 2027, selepas mengambil kira pelupusan kapal yang dirancang.

"Peningkatan kapasiti itu dijangka membolehkan kumpulan mengekalkan keupayaan menjana pendapatan sepanjang proses pembaharuan armada, meskipun sebahagian kapal lama perlu digantikan bagi memastikan mutu dan kecekapan operasi terus terpelihara," katanya.

Setakat Oktober 2026, selepas kemasukan Orkim Opal, kumpulan itu memiliki 20 kapal berdaftar Malaysia dengan jumlah kapasiti 267,000 DWT dan purata usia armada 12 tahun, merangkumi kapal pengangkut produk petroleum bersih (CPP) serta gas petroleum cecair (LPG).

Dalam perkembangan berkaitan, Apex Securities berpandangan profil kontrak jangka panjang Orkim turut menyediakan perlindungan kepada pendapatan kumpulan ketika industri perkapalan berdepan ketidaktentuan kos bahan api susulan konflik di Asia Barat.

Ini kerana sebahagian besar perjanjian sewaan kapal menetapkan kos bahan api bunker ditanggung oleh penyewa, manakala kontrak pelayaran berturut-turut (CVC) dan kontrak pengangkutan (COA) membolehkan pelarasan kos bunker dibuat setiap bulan.

Mekanisme berkenaan membantu mengurangkan tekanan kenaikan kos operasi terhadap kumpulan, sekali gus menyokong kestabilan profil pendapatan meskipun kadar tambang pengangkutan dan harga bahan api mengalami perubahan.

Apex Securities memulakan liputan terhadap Orkim dengan saranan BELI dan harga sasaran RM1.26, berdasarkan penilaian aliran tunai terdiskaun (DCF), dengan anggaran pulangan modal sebanyak 57.5 peratus serta hasil dividen 7.1 peratus bagi tahun kewangan 2027.

Laporan itu turut mengunjurkan keuntungan bersih teras kumpulan meningkat kepada RM111.1 juta pada 2026 dan RM113.6 juta pada 2027, berbanding RM85 juta pada 2025, disokong penambahan kapasiti armada serta jangkaan pembaharuan dan perlanjutan kontrak.